

Surat khabar: Utusan Malaysia (Bisnes)

Hari/Tarikh: 14/9/2013

Muka surat: 19

Tajuk : Sesi Dialog Bersama Menteri MOSTI.

Sesi dialog bersama Menteri MOSTI

KUCHING 13 Sept. - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mengadakan sesi dialog bersama Menteri membabitkan penerima dan pemohon serta taklimat dana kementerian untuk zon Sarawak.

Sesi ini merupakan sesi kedua di dalam siri taklimat yang telah dirancang pada tahun ini yang bertujuan menyediakan platform kepada Menteri MOSTI, Datuk Dr. Ewon Ebin untuk bertemu dengan bakal pemohon, penerima geran dan koordinator penyelidikan dana kementerian.

Menurut kenyataan hari ini, sebelum sesi dialog bermula, satu sesi taklimat mengenai dana MOSTI telah diadakan yang disampaikan oleh pegawai daripada Seksyen Dana, Bahagian Perancangan, MOSTI, Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) serta Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp).

"Tujuan taklimat tersebut adalah untuk memberi penjelasan kepada semua hadirin tentang dana-dana yang ditawarkan oleh MOSTI serta agensi-agensi di bawahnya," kata kenyataan itu hari ini. - BERNAMA